

Newspaper	Berita Harian
Date	8/5/2013



## Cina tolak persahabatan Melayu

BH-8/5/2013

**Putrajaya:** Tun Dr Mahathir Mohamad (**gambar**) berkata, orang Cina menolak persahabatan yang dihulurkan oleh orang Melayu akibat hasutan Penasihat DAP, Lim Kit Siang supaya mereka membenci orang Melayu.

Beliau berkata, perbuatan Kit Siang menyebabkan sentimen kebencian terhadap orang Melayu sehingga berlaku senario politik yang dianggap sebagai tsunami Cina ketika Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13), pada Ahad lalu.

### Jual bangsa sendiri

Pada masa sama, beliau menyelar sikap tamak dan gila kuasa segelintir orang Melayu yang sanggup menggunakan apa saja cara untuk berkuasa termasuk menjual bangsa sendiri.

“Saya sudah mengingatkan orang Melayu ketika berkempen di Gelang Patah bahawa Johor adalah kubu contoh perkongsian kuasa antara Melayu, Cina dan India yang harus dipertahankan.

Newspaper	Berita Harian
Date	8/5/2013

## Kit Siang timbulkkan sifat kebencian Cina terhadap Melayu

BH-8/5/2013

○ Dari muka 1

“Tetapi bila datang Kit Siang... dia bawa konsep Malaysian Malaysia untuk menimbulkan kebencian orang Cina terhadap Melayu yang kononnya memiliki segala-galanya selepas merdeka.

“Jadi, dengan menghasut orang Cina benci Melayu dan sokonglah DAP yang berkembang ke seluruh negara sehingga majoriti orang Cina menolak tangan persahabatan orang Melayu, maka berlakulah apa yang dikatakan tsunami,” katanya pada sidang media di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini semalam.

Beliau berkata, ia juga berlaku kerana Melayu kini berpecah kepada tiga parti dan dalam semua parti pula ada perpecahan dalaman termasuk di kalangan ahli UMNO sendiri.

### Layak ketua kerajaan

Mengenai kemerosotan sokongan terhadap Barisan Nasional (BN) walaupun UMNO berjaya dan kedudukan Datuk Seri Najib Razak berikutan prestasi kurang memuaskan itu, Dr Mahathir berkata, secara perlembagaan Najib layak kekal sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO.

“Secara keseluruhan, beliau mencapai majoriti mudah dan layak mengetuai kerajaan, tetapi rakyat akan tetap mempersoalkan kemampuannya, strategi dan perkara yang menyumbang terhadap prestasi lemah BN.

“Bagaimanapun, UMNO berjaya menambah kerusi kerana penerimaan Melayu yang sedar bahawa kekalahan akan mengakibatkan bahaya besar terhadap mereka. Itulah sebab mereka kembali menyokong UMNO, khususnya di Kedah,” katanya.

Mengenai cadangan penyatuan UMNO-PAS, Dr Mahathir berkata, ia hanya boleh berlaku jika kedua-dua parti tidak berkeras dengan dasar masing-masing.

Katanya, perkara itu bukan mustahil dan ia ditimbulkan sekarang berikutan prestasi buruk orang Melayu dalam pilihan raya lalu.

### Rapatkan PAS dan UMNO

“PAS bertanding banyak kerusi tetapi kalah juga kepada PKR. PKR dapat lebih banyak kerusi tetapi ia bukan parti Melayu. Mungkin kerana ini ada cadangan untuk merapatkan balik hubungan PAS dan UMNO dengan masing-masing membuat sedikit ubah suai dari segi dasar.

“Mungkin konsep negara Islam PAS perlu dipertimbangkan oleh UMNO dan PAS pula perlu mempertimbangkan konsep yang diketengahkan UMNO,” katanya.

Mengenai cadangan MCA menolak sebarang jawatan Kabinet dan EXCO berikutan prestasi teruk mereka, Dr Mahathir berkata MCA perlu mempertimbangkan perkara itu kerana ia akan memberi kesan berikutan tiada wakil menyuarakan kepentingan masyarakat Cina dalam kerajaan.